



PruBSN Anggun

# PRUDENTIAL BSN

## TAKAFUL

**PERLINDUNGAN YANG  
DIPERLUKAN BAGI  
SETIAP WANITA,  
PADA SETIAP  
PERINGKAT HIDUP**



## PELAN KHUSUS WANITA UNTUK SETIAP PERINGKAT KEHIDUPAN ANDA

Setiap orang akan melalui pelbagai tahap aspirasi, hala tuju dan matlamat yang berbeza di sepanjang kehidupan. Sama ada anda seorang wanita muda yang baru memulakan kerjaya, wanita yang baru bergelar sebagai ibu atau seorang wanita yang telah matang, PruBSN setia bersama anda dalam memberi perlindungan pada setiap peringkat kehidupan anda.

Setiap wanita memainkan peranan yang berbeza dalam setiap peringkat kehidupan mereka dan kami di PrubSN memahami cabaran anda dan yang lebih penting, kami prihatin akan keperluan anda tanpa mengira peringkat kehidupan.

Memperkenalkan **PruBSN Anggun**, pelan takaful khusus buat golongan wanita untuk perlindungan yang menyeluruh. PruBSN Anggun adalah pelan istimewa yang direka khas untuk memenuhi keperluan wanita pada setiap peringkat kehidupan yang berbeza. Dengan ini, kami sentiasa komited dalam menyediakan penjagaan dan sokongan kepada wanita dan terus membantu memanfaatkan yang terbaik dalam kehidupan anda.

Dalam setiap peringkat kehidupan, PruBSN akan sentiasa berada di sisi anda dengan perlindungan yang selayaknya.



*Puteri*

A woman wearing a blue graduation gown and cap, smiling and raising her right hand in triumph. The background is a bright outdoor setting with greenery.

*Suri*

A woman in a pink hijab smiling while holding a baby in her arms. The background is a soft-focus indoor environment.

*Ratu*

A woman in a teal hijab smiling while working on a laptop at a desk. A white mug is on the desk next to her. The background is a blurred office or study area.

## SEKILAS MANFAAT



### Eksklusif untuk Wanita

Pelan eksklusif untuk wanita pada peringkat kehidupan yang berbeza yang menawarkan perlindungan penyakit khusus untuk wanita, kesejahteraan, pelaburan dan pada masa yang sama memberi peluang untuk melakukan kebajikan.



### Mampu Milik

Pilih perlindungan yang paling sesuai mengikut keperluan dan bajet perlindungan anda, dari serendah RM50\* sebulan!



### Ciri "Bounce-Back" untuk Jumlah Perlindungan

Amaun perlindungan akan dikembalikan semula kepada Jumlah Perlindungan Asas yang asal bagi pelan anda setelah 6 bulan dari diagnosis Karsinoma-In-Situ Wanita, jika tiada keadaan buruk yang berlaku dalam tempoh tersebut.



### Ganjaran dan Bantuan Tunai

Layak mendapat ganjaran dan bantuan tunai di bawah Manfaat Peringkat Hidup untuk peristiwa kehidupan yang penting, sehingga 9% daripada Jumlah Perlindungan Asas.



### Melangkaui dan Melebihi Perlindungan

Perlindungan wanita komprehensif yang merangkumi pelbagai penyakit dan keadaan khusus wanita termasuk sokongan untuk penyakit mental dan rawatan kesuburan.



### Fleksibel

Tentukan apa yang anda mahukan – memilih amaun perlindungan pilihan anda, tempoh perlindungan dan lampirkan manfaat pilihan rider tambahan yang bersesuaian dengan keperluan anda untuk perlindungan yang komprehensif.



### Melangkaui Semangat Takaful

Melanjutkan bantuan kepada masyarakat dengan membantu golongan keluarga miskin tegar dan miskin yang layak dilindungi dengan perlindungan takaful keluarga asas melalui Rider Ihsan.

\*contoh senario adalah untuk perempuan umur 25, tidak merokok, umur tamat tempoh 70 dan Jumlah Perlindungan Asas sebanyak RM35,000.

**PRUBSN ANGGUN** menawarkan perlindungan lengkap dan menyeluruh untuk penyakit khusus wanita seperti Kanser Wanita, Lupus Eritematosus Sistemik (SLE) Dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk dan Karsinoma-In-Situ Wanita, rawatan wanita, kesihatan mental dan juga perlindungan untuk kematian dan Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD). Selain itu, PruBSN Anggun akan menawarkan Manfaat Peringkat Hidup untuk peristiwa kehidupan yang penting.

## 1. Manfaat Kematian dan Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD)

Manfaat kematian atau TPD, 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas dan jumlah nilai tunai akan dibayar.

## 2. Perlindungan Menyeluruh Penyakit Wanita

Menawarkan perlindungan Kanser Wanita, Lupus Eritematosus Sistemik (SLE) Dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk dan Karsinoma-In-Situ Wanita untuk menyokong perjalanan pemulihan anda.

### Kanser Wanita atau Lupus Eritematosus Sistemik (SLE) Dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk

Apabila didiagnosis, **100%** daripada Jumlah Perlindungan Asas dan jumlah nilai tunai akan dibayar sekaligus, ini membolehkan anda memberi tumpuan kepada pemulihan anda.

### Karsinoma-In-Situ Wanita

Apabila didiagnosis, **50%** daripada Jumlah Perlindungan Asas akan dibayar sekaligus kepada anda. Setelah tuntutan ke atas Karsinoma-In-Situ Wanita dibayar, sebarang tuntutan yang seterusnya bagi Kanser Wanita, Lupus Eritematosus Sistemik (SLE) Dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk, kematian dan TPD akan dikurangkan dengan jumlah tuntutan yang di buat di bawah Karsinoma-In-Situ Wanita, tertakluk pada Ciri “*Bounce-Back*”.



#### Ciri “Bounce-back”

Amaun perlindungan anda akan kembali kepada 100% Jumlah Perlindungan Asas selepas 6 bulan daripada diagnosis Karsinoma-In-Situ Wanita, jika tiada keadaan buruk yang berlaku dalam tempoh 6 bulan tersebut<sup>1</sup>.

### Manfaat Penjagaan Wanita

- Manfaat Penjagaan Wanita akan membantu anda dalam perjalanan pemulihannya anda memerlukan pembedahan atau prosedur perubatan akibat Kanser, Karsinoma-In-Situ, kemalangan dan keadaan perubatan (seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat di bawah) - kami akan membayar anda **30%** daripada Jumlah Perlindungan Asas bagi setiap keadaan yang dilindungi, tertakluk kepada dua tuntutan.
- Selain itu, apabila didiagnosis dengan kanser payudara, anda akan menerima **30%** daripada Jumlah Perlindungan Asas untuk pembedahan lumpektomi payudara atau mastektomi<sup>2</sup>. Bukan itu sahaja, anda akan menerima lagi **30%** daripada Jumlah Perlindungan Asas untuk pembedahan pembentukan semula payudara<sup>2</sup>. Amaun manfaat akan dibayar tanpa mengambil kira bila pembedahan anda akan dijalankan.
- Selain daripada ini, apabila didiagnosis dengan kanser serviks uterus, uterus, ovarи, tiub falopio atau faraj/vulva, anda akan menerima **30%** daripada Jumlah Perlindungan Asas untuk pembedahan pembuangan organ reproduktif wanita<sup>2</sup>. Amaun manfaat akan dibayar tanpa mengambil kira bila pembedahan anda akan dijalankan.

<sup>1</sup> Jika tiada kematian, TPD, Kanser Wanita atau SLE dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk berlaku/didiagnosis dalam tempoh 6 bulan pertama dari diagnosis Karsinoma-In-Situ Wanita.

<sup>2</sup> Jumlah manfaat yang dibayar di bawah Manfaat Penjagaan Wanita adalah terhad kepada 60% daripada Jumlah Perlindungan Asas.

### **3. Manfaat Penjagaan Mental**

Jaga diri dan uruskan kesihatan mental anda dengan Manfaat Penjagaan Mental yang memberikan pembayaran balik sehingga 10% daripada Jumlah Perlindungan Asas atau RM5,000, yang mana lebih rendah, atas kos rawatan psikiatri pesakit luar untuk memberikan sokongan penjagaan mental apabila anda memerlukannya.

### **4. Manfaat Peringkat Hidup pada Peristiwa Kehidupan yang Berbeza**

Menawarkan ganjaran dan bantuan tunai semasa peristiwa kehidupan penting berlaku, sehingga 9% daripada Jumlah Perlindungan Asas.

### **5. Bayaran Tempoh Matang**

Apabila tempoh matang, anda akan menerima jumlah nilai tunai sijil anda.

## **MOM CARE**

Sekiranya anda berfikir untuk memulakan keluarga dalam masa terdekat dan/atau menjadi ibu, *Mom Care* adalah manfaat tambahan/rider pilihan yang anda tidak boleh ketinggalan.

*Mom Care* direka khas untuk melindungi semua ibu terhadap komplikasi kehamilan dan anak mereka daripada penyakit konginetal. Ia dilengkapi dengan Manfaat Penjagaan Kesuburan yang memberikan bantuan untuk merealisasikan cita-cita untuk menjadi seorang ibu.



#### **Manfaat Penjagaan Kehamilan**



Membayar 100% daripada Jumlah Perlindungan Rider untuk semua bakal ibu terhadap komplikasi kehamilan termasuk kematian semasa kehamilan seawal minggu ke-14 kehamilan.

#### **Manfaat Penjagaan Kesuburan**

Membayar balik sehingga 40% daripada Jumlah Perlindungan Rider atau RM10,000, yang mana lebih rendah, untuk memberikan anda bantuan bagi rawatan kesuburan anda ketika diperlukan.



#### **Manfaat Penjagaan Bayi**



Membayar 100% daripada Jumlah Perlindungan Rider untuk anak terhadap penyakit kongenital yang bermula sejurus selepas kelahiran.

# JADUAL MANFAAT

## PruBSN Anggun (Manfaat Asas)

A. KEMATIAN DAN HILANG UPAYA KEKAL DAN MENYELURUH	Tempoh Menunggu <sup>3</sup>
i. Kematian ii. Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh <sup>4</sup> (perlindungan sehingga umur 70)	100% daripada Jumlah Perlindungan Asas dan jumlah nilai tunai akan dibayar dan sijil akan ditamatkan  Tiada
B. MANFAAT PENYAKIT WANITA	
i. Kanser Wanita (Kanser Payudara, uterus serviks, tiub falopio, ovari, uterus atau faraj/vulva); atau ii. Lupus Eritematosus Sistemik (SLE) Dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk	100% daripada Jumlah Perlindungan Asas dan jumlah nilai tunai akan dibayar dan sijil akan ditamatkan  Kanser Wanita - 60 hari Lupus Eritematosus Sistemik (SLE) Dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk - 30 hari
iii. Karsinoma-In-Situ Wanita (Karsinoma-In-Situ payudara, uterus serviks, tiub falopio, ovari, uterus atau faraj/vulva)	• 50% daripada Jumlah Perlindungan Asas akan dibayar dan manfaat yang dibayar akan mengurangkan jumlah perlindungan  • Boleh dituntut sekali.  60 hari

**Ciri “Bounce-back”**

Ciri ini mengembalikan jumlah perlindungan yang telah dikurangkan kepada 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas, jika Orang yang Dilindungi tidak didiagnosis dengan Kanser Wanita, Lupus Eritematosus Sistemik (SLE) Dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk, tiada kematian atau Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh berlaku dalam tempoh 6 bulan dari tarikh diagnosis Karsinoma-In-Situ Wanita. Ini membolehkan anda dapat dilindungi dengan perlindungan penuh.



# JADUAL MANFAAT

## PruBSN Anggun (Manfaat Asas)

### C. MANFAAT PENJAGAAN WANITA

- i. Pembedahan Pembaikan Prolaps Uterus yang Teruk
- ii. Artritis Reumatoïd dengan Komplikasi
- iii. Retakan Osteoporotik - Pinggul atau Vertebra
- iv. Pembedahan Rekonstruktif Wajah Akibat Kemalangan atau Kanser
- v. Pemindahan Kulit akibat Melecur atau Kanser Kulit
- vi. Lumpektomi Payudara atau Mastektomi akibat Karsinoma-In-Situ, Kanser atau Kemalangan
- vii. Pembedahan Pembentukan Semula Payudara Selepas Mastektomi akibat Karsinoma-In-Situ, Kanser atau Kemalangan
- viii. Pembedahan Pembuangan Organ Reproduktif Wanita akibat Karsinoma-In-Situ, Kanser atau Kemalangan

- 30% daripada Jumlah Perlindungan Asas bagi setiap tuntutan; dan
- Sehingga 2 tuntutan, tertakluk kepada satu tuntutan bagi setiap keadaan yang dilindungi.

Nota: Sebarang pembayaran di bawah Manfaat Penjagaan Wanita tidak akan mengurangkan Jumlah Perlindungan Asas.

### Tempoh Menunggu<sup>3</sup>

- Keadaan / pembedahan / rawatan akibat Kanser atau Karsinoma-In-Situ - 60 hari
- Lain-lain keadaan yang dilindungi, kecuali disebabkan oleh kemalangan - 30 hari
- Keadaan / pembedahan / rawatan disebabkan oleh kemalangan - Tiada

Apabila berlaku tuntutan ke atas manfaat Kanser Wanita dan jika Orang yang Dilindungi tidak membuat maksimum 2 tuntutan di bawah Manfaat Penjagaan Wanita, kami akan membayar Manfaat Penjagaan Wanita yang layak bersama-sama dengan manfaat Kanser Wanita tanpa mengira bilakah pembedahan akan dijalankan. Apabila berlaku tuntutan Kanser Payudara - kami akan membayar untuk keadaan (vi) dan (vii) di bawah Manfaat Penjagaan Wanita. Apabila berlaku tuntutan Kanser yang lain - kami akan membayar keadaan (viii) di bawah Manfaat Penjagaan Wanita.

### D. MANFAAT PENJAGAAN MENTAL

Bayaran balik kos rawatan psikiatri pesakit luar termasuk kos konsultasi, perubatan dan rawatan perubatan apabila didiagnosis daripada salah satu keadaan Gangguan Mental yang dilindungi.

- i. Gangguan Depresi Yang Teruk
- ii. Depresi Selepas Bersalin (Post-partum)
- iii. Gangguan Keresahan Yang Menyeluruh
- iv. Gangguan Obsesif Kompulsif
- v. Gangguan Bipolar
- vi. Skizofrenia

- Sehingga 10% daripada Jumlah Perlindungan Asas atau RM5,000, mana yang lebih rendah<sup>5</sup>; dan
- Boleh dituntut untuk satu keadaan (apabila keadaan telah dituntut, Orang yang Dilindungi tidak dibenarkan untuk membuat tuntutan bagi keadaan lain yang dilindungi walaupun had manfaat tidak habis digunakan).

Nota: Sebarang pembayaran di bawah Manfaat Penjagaan Mental tidak akan mengurangkan Jumlah Perlindungan Asas.

180 hari

# JADUAL MANFAAT

## PruBSN Anggun (Manfaat Asas)

### E. MANFAAT PERINGKAT HIDUP

- i. Perkahwinan
- ii. Membeli Hartanah
- iii. Menunaikan Haji atau Umrah
- iv. Pendidikan Pascasiswa (Master atau PHD)
- v. Melahirkan atau Pengambilan Anak Secara Sah
- vi. Kematian Pasangan
- vii. Persaraan

- i. 3% daripada Jumlah Perlindungan Asas;
- ii. 3% daripada Jumlah Perlindungan Asas;
- iii. 3% daripada Jumlah Perlindungan Asas;
- iv. 3% daripada Jumlah Perlindungan Asas;
- v. 3% daripada Jumlah Perlindungan Asas, boleh dituntut sehingga 3 kali;
- vi. Sehingga 9% daripada Jumlah Perlindungan Asas;
- vii. Sehingga 9% daripada Jumlah Perlindungan Asas.

**Nota:**

Jumlah keseluruhan yang boleh dibayar di bawah Manfaat Peringkat Hidup adalah sehingga maksimum 9% daripada Jumlah Perlindungan Asas.

Sebarang pembayaran di bawah Manfaat Peringkat Hidup tidak akan mengurangkan Jumlah Perlindungan Asas.

### Tempoh Menunggu<sup>3</sup>

- Kematian Pasangan - 6 bulan kecuali akibat daripada kemalangan.
- Manfaat Persaraan boleh dituntut bermula umur 55 tahun (bagi umur kemasukan 45 tahun dan ke bawah) atau setelah selesai 10 tahun sijil dari umur kemasukan (bagi umur kemasukan 45 tahun ke atas) tertakluk pada keadaan di mana sijil terus berkuat kuasa sekurang-kurangnya 1 tahun dari umur kemasukan dari tarikh sijil atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana kemudian.
  - Untuk semua peristiwa yang dilindungi selain daripada Kematian Pasangan dan Persaraan, sijil mesti berkuat kuasa sekurang-kurangnya selama 1 tahun dari tarikh sijil atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana kemudian, dan
    - a) Orang yang Dilindungi telah membayar sumbangan penuh sekurang-kurangnya 2 tahun sebelum tuntutan pertama; dan
    - b) Orang yang Dilindungi telah membayar sumbangan penuh sekurang-kurangnya 4 tahun sebelum tuntutan kedua; dan
    - c) Orang yang Dilindungi telah membayar sumbangan penuh sekurang-kurangnya 6 tahun sebelum tuntutan ketiga peristiwa dilindungi.

# JADUAL MANFAAT

## Mom Care (Manfaat Pilihan)

Rider Mom Care akan ditamatkan apabila Orang yang Dilindungi mencapai umur 50 tahun atau apabila semua 3 manfaat di bawah dituntut sepenuhnya atau apabila Pelan Asas tidak lagi berkuat kuasa, yang mana terdahulu.

### MANFAAT PENJAGAAN KEHAMILAN

- i. Koagulasi Intravaskular Diseminata (selepas 7 Bulan Kehamilan)
- ii. Kehamilan Ektopik
- iii. Mol Hidatidiform (Kehamilan Molar)
- iv. Eklampsia
- v. Keguguran Yang Lewat (dari minggu ke-18 hingga minggu ke-28 kehamilan)
- vi. Miomektomi Semasa Mengandung
- vii. Abrupsi Plasenta
- viii. Embolisme Cecair Amniotik
- ix. Akut Hati Berlemak Semasa Kehamilan (AFLP)
- x. Plasenta Increta/Percreta
- xi. Kematian Janin (selepas minggu ke-28 kehamilan)
- xii. Kematian Anak (dalam tempoh 30 hari selepas kelahiran)
- xiii. Kematian Ibu (bermula dari minggu ke-14 kehamilan dan dalam tempoh 30 hari kelahiran)

Tempoh Menunggu<sup>3</sup>

9 bulan

- 100% daripada Jumlah Perlindungan Rider; dan
- Boleh dituntut sekali

Nota: Sebarang pembayaran di bawah Manfaat Penjagaan Kehamilan tidak akan mengurangkan Jumlah Perlindungan Rider.

### MANFAAT PENJAGAAN KESUBURAN

Pembayaran balik bagi rawatan dan prosedur bantuan kesuburan melalui Permanian Beradas (IUI) atau Persenyawaan In-Vitro Fertilisation (IVF).

Sehingga 40% daripada Jumlah Perlindungan Rider atau RM10,000, yang mana lebih rendah<sup>6</sup>

18 bulan

Nota: Sebarang pembayaran di bawah Manfaat Penjagaan Kesuburan tidak akan mengurangkan Jumlah Perlindungan Rider.

## JADUAL MANFAAT

### Mom Care (Manfaat Pilihan)

Rider Mom Care akan ditamatkan apabila Orang yang Dilindungi mencapai umur 50 tahun atau apabila semua 3 manfaat di bawah dituntut sepenuhnya atau apabila Pelan Asas tidak lagi berkuat kuasa, yang mana terdahulu

MANFAAT PENJAGAAN BAYI	Tempoh Menunggu <sup>3</sup>
<ul style="list-style-type: none"><li>i. Spina Bifida</li><li>ii. Sumbing Bibir dengan/tanpa Sumbing Lelangit</li><li>iii. Kecacatan Septum Ventrikel</li><li>iv. Kecacatan Septum Atrium</li><li>v. Transposisi Salur Darah Utama</li><li>vi. Tetralogi Fallot</li><li>vii. Sindrom Down</li><li>viii. Duktus Arteriosus Terbuka yang memerlukan pembedahan</li></ul> <p>• 100% daripada Jumlah Perlindungan Rider; dan • Boleh dituntut sekali</p> <p>Nota: Sebarang pembayaran di bawah Manfaat Penjagaan Bayi tidak akan mengurangkan Jumlah Perlindungan Rider.</p>	9 bulan

Nota-nota:

• Semua manfaat di atas dibayar tertakluk pada tempoh menunggu (jika ada), pengecualian dan terma dan syarat lain seperti yang dinyatakan dalam dokumen sijil.

<sup>3</sup> Tempoh Menunggu bermula dari tarikh berkuat kuasa sijil/rider atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana terkemudian.

<sup>4</sup> Perlindungan Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh tertakluk pada maksimum RM8,000,000 seumur hidup.

<sup>5</sup> Jumlah yang perlu dibayar di bawah Manfaat Penjagaan Mental adalah terhad pada RM5,000 di bawah semua sijil PruBSN Anggun bagi setiap Orang yang Dilindungi.

<sup>6</sup> Amaun yang perlu dibayar di bawah Manfaat Penjagaan Kesuburan adalah terhad pada RM10,000 di bawah semua sijil PruBSN Anggun bagi setiap Orang yang Dilindungi.

# MANFAAT-MANFAAT PILIHAN LAIN



## Cancer Protector

Rider ini menawarkan anda dengan perlindungan yang meluas untuk Kanser dan Kanser tahap awal. Apabila didiagnosis dengan kanser tahap awal (boleh dituntut sekali) dan sekiranya tuntutan berlaku semasa tahun pertama, anda akan menerima 5% daripada Jumlah Perlindungan Rider, atau 10% daripada Jumlah Perlindungan Rider jika dituntut dari tahun kedua dan seterusnya. Apabila didiagnosis dengan Kanser, anda akan menerima jumlah 100% daripada Jumlah Perlindungan Rider sekaligus atau amaun baki setelah kanser tahap awal dituntut.

*Nota: Cancer Protector mempunyai tempoh menunggu 60 hari dari tarikh berkuat kuasa sijil atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana terkemudian.*

## Takaful Saver



Rider ini menyediakan potensi pelaburan dengan 9 pilihan jenis Pelaburan Dana yang bersesuaian dengan risiko yang anda pilih.



## Ihsan

Rider ini membolehkan anda untuk meluaskan bantuan kepada masyarakat dengan membantu keluarga miskin dan miskin tegar yang layak untuk dilindungi dengan perlindungan takaful keluarga asas.

## CIRI-CIRI PRODUK

Umur Kemasukan	19 - 60 tahun pada hari jadi akan datang. <i>Nota: Untuk Mom Care, Umur Kemasukan maksimum adalah 40 tahun pada hari jadi akan datang.</i>		
Jumlah Perlindungan	<b>Pelan Asas</b> Minimum: RM25,000 Maksimum: RM500,000	<b>Mom Care</b> Minimum: RM10,000 Maksimum: RM50,000 <i>perlu sama atau kurang daripada Jumlah Perlindungan Asas</i>	<b>Cancer Protector</b> Minimum: RM50,000 Maksimum: RM2,000,000
Tempoh Manfaat	Pilihan untuk tempoh perlindungan sehingga umur 70 atau 80 tahun. <i>Nota: Perlindungan Mom Care sehingga umur 50 tahun.</i>		
Sumbangan	Sumbangan adalah bergantung pada pilihan anda atas jumlah perlindungan asas, tempoh manfaat dan kekerapan sumbangan (bulanan, suku tahun, setengah tahun atau tahunan). Kadar sumbangan akan berbeza mengikut umur kemasukan, status merokok, kelas pekerjaan, umur tamat tempoh dan keadaan kesihatan.		

# CAJ-CAJ DAN POTONGAN

## Caj Wakalah Pendahuluan

Caj ini membolehkan kami membayar komisen dan perbelanjaan berkaitan pengagihan serta perbelanjaan pengurusan. Peratusan yang ditunjukkan di bawah adalah berdasarkan pada tempoh sumbangan selama 20 tahun dan ke atas. Bagi tempoh kurang daripada 20 tahun, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk.

Tahun Sijil	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	≥11
PruBSN Anggun & Rider*	75%	60%	40%	35%	20%	20%	10%	10%	10%	10%	0%
Takaful Saver							5%				

\* Caj Wakalah Pendahuluan tidak tertakluk pada Ihsan dan Takaful Saver.

## Caj Sijil Wakalah

Caj ini meliputi kos pentadbiran sijil anda. Caj Sijil Wakalah untuk setiap kekerapan sumbangan adalah seperti berikut:

Tahunan	Setengah Tahun	Suku Tahun	Bulanan
RM60	RM30	RM15	RM5

## Penolakan Tabarru'

Penolakan Tabarru' adalah potongan setiap bulan daripada Akaun Khas Individu (ISA) anda ke dalam Dana Tabarru' untuk perlindungan takaful anda. Penolakan Tabarru' untuk perlindungan takaful adalah berbeza mengikut umur, status merokok, kelas pekerjaan dan pengkadaran perubatan. Penolakan Tabarru' akan meningkat apabila umur anda meningkat.

Penolakan Tabarru' merujuk kepada sumbangan sukarela oleh peserta mengikut aturan *Ta'awuni*. Ini berkaitan dengan bahagian sumbangan peserta dalam Dana Tabarru' semasa tempoh perlindungan. Penolakan Tabarru' daripada peserta ditempatkan dan dikumpulkan dalam dana yang dimiliki secara kolektif oleh peserta. Dana ini digunakan untuk membayar semua tuntutan sesuai dengan manfaat yang dipersetujui di bawah pelan berdasarkan bantuan dan pertolongan bersama. Kami boleh menyemak semula Penolakan Tabarru' pada bila-bila masa tertakluk pada pemberitahuan kepada peserta.

Caj-caj berikut dikenakan untuk Akaun Unit Pelaburan (IUA), jika anda melampirkan Takaful Saver dan/atau melakukan penambahan sumbangan tunggal:

## Caj Wakalah Pengurusan Aset

Caj ini dikenakan pada dasar harian daripada nilai akaun IUA anda. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk pada Helaian Fakta Dana.

## Caj Wakalah Penambahan Sumbangan Tunggal<sup>7</sup>

Terdapat caj 5% ke atas setiap penambahan sumbangan tunggal. Di samping itu, terdapat juga caj tambahan sebanyak RM25 untuk setiap penambahan.

## Caj Wakalah Menukar Ganti Dana<sup>7</sup>

Terdapat empat kali tukar ganti percuma untuk IUA setiap tahun. Untuk sebarang tukar ganti seterusnya dalam tempoh setahun, caj tukar ganti telah ditetapkan pada 1% daripada jumlah yang ditukar ganti (tertakluk pada jumlah maksimum sebanyak RM50).

## Caj Wakalah Pengeluaran Separa<sup>7</sup>

RM25 akan dikenakan untuk setiap permohonan.

<sup>7</sup> Caj-caj ini akan dikecualikan sehingga urus niaga elektronik tersedia. Setelah urus niaga elektronik tersedia, permintaan secara manual akan dikenakan caj seperti yang dinyatakan di atas.

# BAGAIMANA PRUBSN ANGGUN BERFUNGSI

1 Julai 2021

Perlindungan bermula dengan sumbangan tahunan sebanyak RM2,268.



1 Julai 2023

Fatima akan melangsungkan perkahwinan. Oleh sebab perkahwinan termasuk di bawah Manfaat Peringkat Hidup, Fatima akan menerima ganjaran tunai sebanyak RM3,000 (3% daripada BSC).



1 Julai 2024

Fatima mengalami keguguran yang lewat pada minggu ke-30 kehamilan. Keguguran lewat termasuk dalam Manfaat Penjagaan Kehamilan, di mana jumlah yang akan dibayar adalah RM20,000 (100% daripada RSC).



1 Jan 2026

Fatima hamil sekali lagi dan anak pertamanya dilahirkan pada hari ini! Fatima akan menerima jumlah sebanyak RM3,000 (3% daripada BSC) kerana kelahiran anak juga termasuk dalam Manfaat Peringkat Hidup.

Tetapi, bayi Fatima dilahirkan dengan sumbing bibir yang memerlukan pembedahan untuk memperbaiki sumbing. Amaun sebanyak RM20,000 (100% daripada RSC) akan dibayar kepada Fatima untuk sumbing bibir bayinya yang memerlukan pembedahan, yang dilindungi di bawah Manfaat Penjagaan Bayi.

Fatima, 25 tahun,  
tidak merokok,  
merancang untuk  
memulakan keluarga.

Fatima menyertai Prubsn Anggun dengan Jumlah Perlindungan Asas (BSC) sebanyak RM100,000 yang tamat tempoh pada umur 70 tahun dan tambahan Mom Care dengan Jumlah Perlindungan Rider (RSC) sebanyak RM20,000 untuk memenuhi keperluan perlindungannya.



1 Jan 2030

Fatima menuaikan Umrah buat pertama kali. Fatima akan menerima sebanyak RM3,000 (3% daripada BSC) kerana penunaian Umrah juga termasuk dalam Manfaat Peringkat Hidup. Sehingga kini, sejumlah 9% daripada BSC telah dibayar di bawah Manfaat Peringkat Hidup.



1 Jun 2035

Pada hari ini, Fatima didiagnosis dengan Karsinoma-In-Situ Wanita<sup>8</sup>. Dia akan menerima jumlah sebanyak RM50,000 (50% daripada BSC) kerana Karsinoma-In-Situ Wanita termasuk dalam Manfaat Penyakit Wanita.

1 Jun 2036

Fatima disahkan menghidap kanser payudara wanita. Fatima akan menerima amaun sejumlah RM100,000 (100% daripada BSC) kerana kanser payudara wanita berlaku setelah 6 bulan dari tarikh Fatima didiagnosis dengan Karsinoma-In-Situ Wanita. Fatima juga akan menerima RM30,000 (30% daripada BSC) bagi kedua-dua lumpektomi payudara atau mastektomi dan pembedahan pembentukan semula payudara selepas mastektomi, yang dibayar di bawah Manfaat Penjagaan Wanita<sup>9</sup>. Jumlah tuntutan yang diterima oleh Fatima adalah RM160,000 untuk Manfaat Kanser Wanita dan Manfaat Penjagaan Wanita.

<sup>8</sup> Jumlah Perlindungan Asas akan kembali kepada 100% setelah 6 bulan dari tarikh diagnosis Karsinoma-In-Situ Wanita.

<sup>9</sup> Sekiranya anda tidak membuat dua tuntutan maksimum di bawah Penjagaan Wanita, kami akan membayar anda manfaat Penjagaan Wanita bersama dengan Manfaat Kanser Wanita.

Nota: Contoh di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Semua manfaat adalah tertakluk pada tempoh menunggu. Sila rujuk kepada dokumen sijil untuk terma dan syarat yang terperinci.

## NOTA-NOTA PENTING

1. Risalah ini hanya untuk tujuan ilustrasi dan maklumatnya tidak lengkap. Ia tidak mengikat sebarang kontrak di antara anda dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN). Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Ilustrasi Produk **PruBSN Anggun**, Lampiran Keterangan Produk, Helaian Fakta Dana, risalah pendidikan pengguna mengenai Takaful Keluarga, Takaful Berkaitan Pelaburan, dan Pelan Kesihatan dan Perubatan sebelum menyertai pelan ini dan sila rujuk kepada terma dan syarat di dalam dokumen sijil untuk maklumat lanjut mengenai ciri-ciri penting pelan ini.
2. Sebarang rujukan kepada umur adalah berdasarkan Umur pada Hari Jadi Akan Datang.
3. Ia adalah penting untuk memilih pelan (termasuk manfaat pilihan) yang anda mampu dan memenuhi keperluan anda. Kami mengesyorkan agar anda berjumpa dengan ejen/penasihat kewangan PruBSN anda yang akan melakukan analisis keperluan dan membantu anda dalam membuat keputusan yang tepat.
4. Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini mampu memenuhi keperluan anda dan anda mampu untuk membayar jumlah sumbangan.
5. Nilai Tunai merujuk kepada amaun Akaun Khas Individu (ISA) dan nilai unit dalam Akaun Unit Pelaburan (IUA), jika ada.
6. Pulangan daripada ISA dan IUA anda (jika berkaitan), jika ada, akan berdasarkan pada prestasi sebenar dana-dana dan ianya tidak dijamin.
7. Risiko pelaburan adalah ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaatnya mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang telah anda bayar.
8. **PruBSN Anggun** adalah berdasarkan persetujuan bantuan bersama (*Ta’awun*) di mana sebahagian daripada sumbangan anda ditolak dan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru`* bersama dengan sumbangan peserta-peserta yang lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk caj-caj *Wakalah* yang tersenarai di atas.
9. Sebagai tambahan, konsep *Mudarabah* yang terpakai membolehkan mana-mana keuntungan pelaburan hasil daripada ISA dikongsi antara PruBSN dan anda. Anda akan menerima 80% daripada keuntungan pelaburan, sementara PruBSN akan menerima baki sebanyak 20%. Bahagian keuntungan anda akan dimasukkan semula ke ISA anda. Jika terdapat kerugian pelaburan daripada ISA, selaras dengan konsep *Mudarabah*, kerugian akan ditanggung oleh Anda dengan syarat kerugian tersebut tidak disebabkan oleh salah urus atau kecuaian Kami.
10. Anda berhak menerima sebarang agihan lebihan daripada Dana *Tabarru`* termasuk keuntungan pelaburan (jika ada). Bersama-sama dengan peserta lain, anda berhak menerima 50% daripada lebihan tersebut dan PruBSN akan menerima baki 50% sebagai yuran prestasi untuk menguruskan Dana *Tabarru`*. Bahagian lebihan agihan anda akan dimasukkan semula dalam ISA anda. Amaun agihan lebihan sebenar akan ditetapkan setiap tahun dan tertakluk pada kelulusan oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.
11. Sekiranya sumbangan atau caj semakan menjaskan jumlah sumbangan pada masa akan datang, anda dijangka untuk membayar sumbangan tambahan bagi memastikan nilai ISA dan IUA bertahan sepanjang tempoh sijil.
12. Jika anda membatalkan sijil pada tahun-tahun awal, anda mungkin tidak akan memperoleh nilai sepenuhnya daripada jumlah yang telah dibayar kepada PruBSN. Jika anda menyerahkan sijil, kesemua manfaat di dalam sijil akan ditamatkan.
13. Jika anda berhenti membayar atau tertinggal membayar sumbangan dalam tempoh penangguhan 30 hari, perlindungan anda mungkin akan luput sebelum waktunya.
14. Sijil anda akan luput jika jumlah dalam ISA dan/atau IUA tidak mencukupi untuk membayar *Tabarru`* dan caj lain.

15. **PruBSN Anggun** tidak menyediakan manfaat daripada Dana *Tabarru'* pada penamatian, tamat tempoh atau kematangan sijil.
16. Sumbangan dan kadar *Tabarru'* dan caj-caj lain adalah tidak dijamin. PruBSN boleh menyemak semula sumbangan, kadar *Tabarru'* dan/atau caj lain dengan memberi notis bertulis 90 hari dan 30 hari untuk perubatan dan penyakit kritis masing-masing kepada pemilik sijil. Sekiranya terdapat kenaikan kadar *Tabarru'*, anda perlu membayar sumbangan tambahan atau penambahan. Sumbangan untuk pelan ini perlu dibayar sepanjang tempoh sijil ini.
17. Untuk **PruBSN Anggun**, anda boleh menuntut pelepasan cukai insurans yang berkaitan, tertakluk pada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
18. Sekiranya terdapat percanggahan atau ketidakselarasan antara brosur versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia dan untuk tujuan penafsiran dan pembinaan, brosur versi bahasa Inggeris akan diguna pakai.

*Nota: Maklumat lanjut mengenai perlindungan dan manfaat tambahan boleh didapati di Lampiran Keterangan Produk dan Ilustrasi Produk yang harus dibaca dengan teliti sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai pelan tersebut.*

## PENGECUALIAN

**PruBSN Anggun** tidak melindungi sebarang situasi yang berikut:

### Kematian

Bunuh diri – jika kematian disebabkan bunuh diri dalam tempoh setahun dari tarikh permulaan sijil atau tarikh penguatkuasaan semula sijil, mana-mana yang terkemudian, tiada perlindungan takaful akan dibayar, tetapi baki nilai di dalam ISA dan IUA (jika ada) akan dibayar. Kami juga tidak akan membayar sebarang manfaat untuk kematian Pasangan Orang yang Dilindungi (di bawah Manfaat Peringkat Hidup) jika disebabkan oleh atau berkaitan dengan Pasangan Orang yang Dilindungi membunuh diri dalam tempoh satu tahun dari tarikh kuat kuasa Sijil atau tarikh penguatkuasaan semula, mana-mana yang terkemudian.

### Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat jika hilang upaya itu secara langsung atau tidak langsung disebabkan mana-mana perkara di bawah:

- a. percubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ke atas diri sendiri semasa waras atau tidak waras;
- b. pelanggaran atau percubaan melanggar undang-undang atau penentangan terhadap penangkapan oleh Orang Yang Dilindungi;
- c. apa-apa penyalahgunaan ubat-ubatan atau perangsang dan komplikasi akibat penyalahgunaan;
- d. perperangan atau tindakan agresif, termasuk penaklukan, tindakan keganasan negara asing, musuh luar (sama ada perang diisyiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, rusuhan, campur tangan ketenteraan atau rampasan kuasa;
- e. penglibatan dalam aktiviti sukan profesional, penyelaman skuba, sebarang jenis perlumbaan, penerbangan udara selain daripada sebagai anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang, di atas kapal terbang komersial berlesen yang membawa penumpang dan beroperasi secara berjadual mengikut laluan biasa, atau sebarang aktiviti atau sukan merbahaya (termasuk penerjunan lelabah, geluncur angin, menaiki belon panas, penerjunan payung terjun dan penerjunan udara), melainkan kami memberi persetujuan melalui endorsan khas;
- f. sebarang Keadaan yang Sedia Ada yang tidak didedahkan kepada kami berhubung dengan status kesihatan bagi Orang yang Dilindungi; atau
- g. sebarang keadaan kongenital, trauma kelahiran dan komplikasi dari sisanya, bagi sijil atau lampiran yang diluluskan.

## **Manfaat Penyakit Wanita, Manfaat Penjagaan Wanita dan Manfaat Penjagaan Mental**

Kami tidak akan membayar sebarang Manfaat Penyakit Wanita, Manfaat Penjagaan Wanita dan Manfaat Penjagaan Mental bagi sebarang keadaan, penyakit atau kejadian, jika Anda atau Orang yang Dilindungi didiagnosis dengan Manfaat Penyakit Wanita, Manfaat Penjagaan Wanita dan Manfaat Penjagaan Mental yang disebabkan secara langsung atau secara tidak langsung oleh atau berkaitan dengan mana-mana perkara berikut:

- a. sekiranya keadaan dan penyakit pertama kali berlaku atau menunjukkan gejala, atau keadaan yang memberikan diagnosis jelas dalam tempoh 30 hari pertama bagi Lupus Eritematosus Sistemik (SLE) Dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk, Pembedahan Pembalakan Prolaps Uterus yang Teruk, Artritis Reumatoid dengan Komplikasi dan Retakan Osteoporotik Pinggul atau Vertebra, yang mana terkemudian;
- b. sekiranya keadaan dan penyakit pertama kali berlaku atau menunjukkan gejala, atau keadaan yang memberikan diagnosis jelas dalam tempoh 60 hari pertama Kanser Wanita dan Karsinoma-In-Situ Wanita, Pemindahan Kulit Akibat Kanser Kulit, Pembedahan Rekonstruktif Wajah akibat Kanser, Lumpektomi Payudara atau Mastektomi Akibat Karsinoma-In-Situ atau Kanser, Pembedahan Pembentukan Semula Payudara Selepas Mastektomi Akibat Karsinoma-In-Situ atau Kanser dan Pembedahan Pembuangan Organ Reproduktif Wanita Akibat Karsinoma-In-Situ atau Kanser dari Tarikh Sijil atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana terkemudian;
- c. sekiranya keadaan dan penyakit pertama kali berlaku atau menunjukkan gejala, atau keadaan yang memberikan diagnosis jelas dalam tempoh 180 hari pertama bagi sebarang keadaan yang dilindungi di bawah Manfaat Penjagaan Mental dari Tarikh Sijil atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana terkemudian;
- d. sebarang Keadaan yang Sedia Ada yang tidak didedahkan kepada kami berhubung dengan status kesihatan bagi Orang yang Dilindungi;
- e. sebarang kecederaan atau penyakit yang disebabkan oleh perbuatan sendiri, sama ada ketika siuman atau tidak;
- f. sebarang kecederaan atau penyakit yang disebabkan oleh peperangan (termasuk perang saudara), penaklukan, tindakan keganasan musuh asing sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak, pemberontakan atau rusuhan atau revolusi atau sebarang peristiwa yang sama, kuasa tentera atau perebutan kuasa, atau Orang yang Dilindungi mengambil bahagian dalam sebarang rusuhan, mogok atau kekacauan awam;
- g. kehadiran Sindrom Daya Kurang Tahan Penyakit atau dengan kehadiran mana-mana jangkitan Human Immunodeficiency Virus (HIV);
- h. Caj-caj yang tidak Berpatutan dan Biasa Diamalkan, atau sebarang jenis pembedahan atau rawatan yang mana tidak Perlu dari Segi Perubatan (sama ada kosmetik, plastik atau lain-lain), atau caj-caj yang melebihi Caj Berpatutan dan Biasa Diamalkan, melainkan kami melindunginya di bawah manfaat ini;
- i. sebarang pelanggaran atau cubaan untuk melanggar undang-undang, atau menentang penahanan;
- j. penyalahgunaan atau penagihan alkohol atau bahan;
- k. fusion nuklear, fision nuklear, bahan buangan nuklear atau sebarang radioaktif atau radiasi pengionan; atau
- l. kecederaan atau penyakit yang disebabkan oleh sukan profesional, sebarang jenis perlumbaan, penyelaman skuba, aktiviti sukan udara seperti geluncur angin, menaiki belon panas, dan sebarang aktiviti atau sukan merbahaya yang lain, kecuali yang kami persetujui secara berasingan melalui pengendorsan tertentu.

*Nota: Senarai pengecualian di atas adalah untuk pelan asas sahaja dan adalah tidak lengkap. Untuk senarai pengecualian-pengecualian yang lengkap termasuk manfaat tambahan/rider (jika disertakan), sila rujuk kepada Ilustrasi Produk atau dokumen sijil.*

## APAKAH ITU TAKAFUL?

Suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama di mana peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam

Takaful diambil daripada istilah Arab 'kafala' yang membawa erti "**Jaminan bersama**" atau **menjamin antara satu sama lain**.

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas persetujuan kerjasama (*Ta`awun*) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat tiga (3) aspek persamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama.

Apabila seseorang terlibat dalam skim takaful, dia bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan peserta-peserta lain untuk sama-sama menyumbang antara satu sama lain ketika memerlukan.



**PERTOLONGAN BERSAMA**



**PERLINDUNGAN BERSAMA  
DARIPADA KERUGIAN**



**TANGGUNGJAWAB BERSAMA**



Secara intipatinya, takaful adalah berasaskan prinsip "***Ta`awun***" (**kerjasama/pertolongan bersama**) di mana penglibatan penyertaannya adalah ***Tabarru`at* (kebajikan)**.

Pelan ini ditaja jamin oleh:

# PRUDENTIAL BSN

---

## TAKAFUL

**PruBSN Anggun** adalah produk yang patuh Shariah.

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

### PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

(No. Syarikat 200601020898 (740651-H))

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,  
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.



03 2775 7188



customer@prubsn.com.my



SMS **PruBSN** dan hantarkan ke **33080**



[www.facebook.com/prubsn](https://www.facebook.com/prubsn)



[www.instagram.com/prubsn\\_official](https://www.instagram.com/prubsn_official)



[www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad](https://www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad)



Prudential BSN Takaful Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang dilindungi di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan Pengendali Takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada Prudential BSN Takaful Berhad atau layari laman web PIDM ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).

**Penting:** Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

*Semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan September 2021.*